

Kabinet pandang serius pendedahan kajian MyCC

Menteri terbabit sektor makanan beri jaminan ambil berat laporan dibentang

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

Kuala Lumpur: Anggota Kabinet memandang serius pendedahan hasil Kajian Pasaran Sektor Makanan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pesaftan Malaysia (MyCC).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata menteri yang terbabit dalam sektor makanan ber-

kenaan, memberi jaminan mengambil berat laporan yang dibentangkan itu.

Katanya, ini termasuk Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, yang memberi jaminan melakukan penambahanbaikan perkara di bawah kementerianya.

"Hasil Kajian Pasaran Sektor Makanan oleh MyCC, sudah saya bintangkan kepada jemaah menteri semalam dan Kabinet mengambil maklum mengenainya," katanya kepada media selepas melancarkan Pameran Perdagangan Satelit Wecommerce Lazada 2019 di sini, semalam.

MyCC dalam laporannya baru-baru ini, mendedahkan pelaksanaan pasaran ikan oleh kar-
tel, kegiatan menyewa perMIT-
port (AP) kubis, jualan lot niaga borong sehingga RM1.3 juta, ke-
bergantungan kepada negara

sumber yang terhad serta kekurangan produk tempatan, menjadi punca kenaikan harga bekalan makanan utama rakyat negara ini.

Kajian MyCC juga mendapati wujudnya salah laku dalam AP untuk mengimport kubis bulat apabila ada antara mereka hanya mengambil keuntungan 'atas angin' dengan menyewakan perMIT itu kepada peniaga lain.

Sementara itu, mengulas mengenai subsidi petrol bersasar kepada golongan kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah (B40), beliau berkata, ia pada peringkat akhir kajian dan akan diumumkan selepas lewat hujung tahun ini.

"Ia mengambil kira pandangan pelbagai pihak termasuk persatuan pengguna, Bank Negara Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Pendaf-

taran Negara (JPN).
"Saya akan membuat pengumuman mengenainya dalam tempoh terdekat sebaik keputusan mengenainya dimuktamadkan," katanya.

Dalam pada itu, Saifuddin berkata, hanya 3,000 peniaga barangan dan perkhidmatan dalam talian di negara ini yang sudah mendaftar serta mempunyai per-
sijilan digital 'BizTrust' sejak ia diperkenalkan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tahun lalu.

Katanya, meskipun ia bukan satu kewajipan, namun peniaga seharusnya merembut peluang itu kerana ia mengiktiraf perniagaan yang dijalankan adalah sah.

Beliau berkata, syarikat yang ada trademark BizTrust diyakini tidak akan melakukan penipuan dan pengguna dapat menggunakan perkhidmatan mereka serta berurusan niaga dengan yakin.